

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

20. (a) Apakah usaha yang telah diambil oleh PWDC dalam mempertingkatkan kesedaran wanita terhadap hak dan gender?
- (b) Jelaskan secara terperinci tentang usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan Briged Wanita dari segi jati diri dan kepimpinan?
- (c) Terangkan masalah dan isu yang dihadapi oleh Briged Wanita dalam struktur urustadbir Kerajaan Negeri.

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. (a) Penang Women's Development Corporation (PWDC) berusaha untuk meningkatkan kesedaran wanita terhadap hak dan gender melalui program-program seperti persidangan, bengkel dan ceramah yang dianjurkan. Antara bidang yang diberi tumpuan adalah :
- (i) Mengarusperdanakan gender ke dalam tadbir urus dan mengintegrasikan gender ke dalam struktur pentadbiran tempatan

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dahulunya dikenali sebagai JKKK. Dasar ini mensasarkan sekurang-kurangnya satu (1) wanita

dalam JKKK pada tahun 2017, tiga (3) wanita pada tahun 2019 dan lima (5) wanita menjelang 2021. Hasil daripada pengenalan dasar tersebut, sebanyak 76 JKKK (25.3 %) daripada keseluruhan JKKK yang berdaftar di Pulau Pinang telah mencatatkan lima (5) dan lebih jumlah perwakilan wanita dalam struktur JKKK.

(ia.i) Menjalankan latihan kepimpinan untuk wanita di pelbagai peringkat (MKKK dan kerajaan tempatan).

Pada tahun 2016, PWDC telah menganjurkan Bengkel Kepimpinan dan Pemerkasaan Wanita sebagai langkah untuk menyediakan kaum wanita untuk memegang tanggungjawab sebagai Ahli Majlis dalam MBPP dan MPSP jika terpilih. Pada tahun 2017 pula, sebanyak 3 Bengkel Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita telah dianjurkan, di mana sebanyak 81 peserta wanita dari kelima-lima daerah telah menyertai bengkel-bengkel tersebut. Kesedaran mengenai hak wanita, kesaksamaan gender dan kepimpinan telah diterapkan ke dalam bengkel-bengkel tersebut.

(iii) Meningkatkan kesedaran tentang kesaksamaan gender dalam kalangan wanita di peringkat akar umbi.

PWDC juga telah menganjurkan beberapa sesi ceramah untuk kaum wanita di peringkat akar umbi seperti berikut:

- Sesi Perjumpaan bersama Pemimpin Wanita Tempatan di Balik Pulau (22 Julai 2017)
- Ceramah Komuniti di Balik Pulau (5 Ogos 2017)
- Ceramah Pemerkasaan Wanita di Bertam (20 Ogos 2017)
- Ceramah komuniti di Telok Ayer Tawar (27 Oktober 2017)

Kerajaan Negeri melalui PWDC menjalankan bengkel kepimpinan dan pemerkasaan, latihan kepimpinan dan sesi ceramah dalam usaha untuk membangunkan Briged Wanita dari segi jati diri dan kepimpinan.

Selain itu, PWDC sedang mengkaji semula untuk merombak satu struktur yang lebih sempurna.

(c) Bilangan ahli Briged Wanita telah menurun daripada 2900

orang pada tahun 2016 kepada 2000 orang pada masa kini. Terdapat beberapa masalah dan isu ketara yang dihadapi oleh Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP) dalam melaksanakan tanggungjawabnya termasuk:-

- (i) Ketiadaan peruntukan khas untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti BWPP. Peruntukan untuk aktiviti-aktiviti BWPP bergantung kepada peruntukan ADUN dan Penyelaras KADUN.
- (ii) Pada masa ini, Ketua-ketua Briged Wanita melaksanakan tugas mereka secara sukarela. Namun, kerja sukarelawan tidak lestari (*unsustainable*) dan tidak mampu dikekalkan untuk jangka masa yang panjang.